



PROFESOR DR. JAYUM A. JAWAN

Hubungan SESAMA MANUSIA

PROFESOR DR. JAYUM A. JAWAN

B.A. (UNC-A), M.A. (Appalachian State), Ph.D. (Hull)

7 Disember 2007

**Dewan Seminar Al- Farabi
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia**



**Penerbit Universiti Putra Malaysia
Serdang • 2007
<http://www.penerbit.upm.edu.my>**

© Penerbit Universiti Putra Malaysia

First Print 2007

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpanan kekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada pihak Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Penerbit UPM adalah anggota Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)
No. Ahli 9802

Perpustakaan Negara Malaysia Cataloguing-in-Publication Data

Jayum A. Jawan, 1958-

Hubungan sesama manusia / Jayum Jawan.

(Inaugural lecture series)

ISBN 978-967-5026-30-0

1. Personnel management. 2. Industrial relations. 3. Speeches,
addresses, etc. I. Judul. II. Siri.

658.3

Reka bentuk, atur huruf dan cetak oleh

Penerbit Universiti Putra Malaysia

43400 UPM Serdang

Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-8946 8855 / 8854

Faks: 03-8941 6172

<http://www.penerbit.upm.edu.my>

Kandungan

Latar Belakang	1
Asas Bermasyarakat	8
Kontak Pertama	10
Terma Kemesraan	15
Kontrak Sosial	16
Perjanjian Malaysia	20
Dasar Ekonomi Baru: Pengukuh Elemen Kontral Sosial & Perjanjian Malaysia	23
Rumusan	27
Kesimpulan	30
Bacaan Terpilih	32
Biodata	35
Senarai Syarahan Inaugural	39

LATAR BELAKANG

Hubungan adalah ikatan asas dalam sebuah masyarakat manusia. Ia adalah murni dan sempurna apabila dijalinkan oleh dua atau lebih insan yang tidak mempunyai sebarang niat lain, sama ada tersurat atau tersirat, di sebalik keinginan untuk berkawan semata-mata. amat penting juga apabila hubungan yang dibina itu melibatkan insan dari pengalaman dan latar belakang yang sama, seperti sosioekonomi atau kedudukan dalam masyarakat masing-masing. Sebaliknya, hubungan manusia menjadi kompleks dan mempunyai pelbagai dimensi apabila ada seorang insan yang berada dalam hubungan itu menaruh harapan bahawa penglibatan beliau dalam hubungan tersebut diharap akan mendatangkan suatu keuntungan kepadanya kelak. Hubungan tidak semestinya bermula dengan suatu niat tersirat daripada awalnya. Tetapi, apabila ada di antara insan dalam suatu hubungan itu sanggup mempergunakan kedudukannya dalam hubungan itu, maka sama ada niat tersirat itu adalah matlamat asal untuk berkawan atau ia timbul kemudian tidak ada perbezaannya dari segi kesan sikap tersebut kepada hubungan sesama manusia. Ia tetap akan mempermainkan hubungan sesama manusia, termasuk menurunkan martabat hubungan itu kepada suatu yang boleh dijual beli, diniaga atau ditukar ganti apabila sahaja kehendak seorang insan yang berada dalam hubungan itu memerlukannya.

Dewasa ini, ikatan tulen dan mudah manusia sudah lama retak. Nilai ini sudah lama hilang daripada kebanyakan hubungan antara manusia. Nilai-nilai murni seperti keikhlasan, kejujuran, kesederhanaan, tolak ansur, akomodasi, ketelusan dan keterbukaan yang mendasari ikatan mudah manusia sudah lama terhakis daripada banyak perhubungan atau persahabatan yang dibina oleh dua atau lebih insan. Ini berlaku bukan sahaja di antara dua insan dari etnik berlainan, tetapi sudah lama juga berlaku dalam kelompok etnik yang sama.

Kehakisan nilai murni dari perhubungan manusia sudah lama berlaku disebabkan perubahan yang kian pesat dan melanda masyarakat dan individu. Oleh kerana nilai dan asas lama sudah berubah, maka keadaan hubungan sesama

Hubungan Sesama Manusia

manusia sekarang tidak lagi relevan dinilai dalam konteks kerangka lama itu. Ini kerana ia telah tercetus daripada asas dan nilai semasa yang amat berbeza daripada nilai dan asas yang terdahulu. Maka, dengan lahirnya nilai dan asas baru dalam perhubungan manusia, maka bentuk dan tujuan hubungan manusia juga turut berubah daripada asas yang mudah ke suatu yang kompleks dan mempunyai pelbagai dimensi. Ini adalah ironik kerana pada waktu yang sama, manusia sering mengingati hubungan mudah dan mesra di masa lampau itu, sementara realitinya beliau berada dalam dunia dan alam baru dengan nilai dan asas yang baru dan berbeza. Justeru, manusia perlu mencari imbalan baru yang ditentukan nilai dan asas semasa supaya keadaan hubungan sesama manusia itu dapat dilihat, difahami dan dinilai dalam konteks yang sesuai dengan keadaan semasa.

Dalam keadaan manusia mudah sesat dalam arus perubahan yang pesat melanda, ramai di antara mereka selalu teringat dan teringin berpatah balik ke "pangkal jalan". Di sinilah mereka suka berkhayal mengingati betapa indah dan baiknya keadaan di zaman lampau berbanding zaman-zaman berikutnya, termasuk sekarang. Khayalan ini kadang-kadang membawa mereka untuk menyimpulkan bahawa tiada yang lebih baik di zaman sekarang mengenai hubungan sesama manusia, khasnya antara etnik berbanding di zaman lalu. Dalam masa lima tahun kebelakangan ini, sentimen mereka ini dapat dirumuskan seperti berikut: Pertama, hubungan sesama manusia melintasi batas etnik lebih baik di awal tahun-tahun kemerdekaan Malaya (1940-an dan 1950-an) dan penubuhan Persekutuan Malaysia (1960-an). Pada zaman itu masyarakat Melayu, Cina dan India berinteraksi dengan rapat dan mereka dikatakan tidak segan membina hubungan melintasi garis etnik. Perkara ini amat berbeza di masa sekarang di mana setiap etnik hidup dalam sempadan masing-masing dan interaksi antara etnik hanya berlaku kerana terpaksa dan atas sebab-sebab strategik. Pertimbangan lain yang kompleks mempengaruhi keputusan mengenai pembinaan hubungan antara etnik. Kecenderungan hubungan sesama manusia

kebelakangan ini berbeza dengan sifat lebih terbuka yang diamalkan pada masa-masa antara 1940-an sehingga 1960-an walaupun banyak rancangan dan strategi menggalakkan perpaduan dan integrasi melintasi etnik telah pun disediakan oleh pihak pemerintah. Kenapa? Apakah benar kata dan analisis pengkhayal yang dihuraikan di atas?

Kedua, penyanjung zaman lampau juga menarik perhatian bahawa terdapatnya pertembungan nilai antara etnik di era 1940-an sehingga 1960-an di mana pelbagai etnik dapat berkongsi sebahagian nilai-nilai, meskipun ada pengkritik yang mungkin mahu mengatakan bahawa nilai-nilai ini bukanlah suatu yang asas dan mendalam. Justeru itu, sebagaimana diketahui umum, ia juga tidak kekal dalam menegakkan hubungan antara etnik. Apakah yang dimaksudkan? Mengambil contoh dari pencinta zaman lampau, mereka sering menunjuk atau menggunakan industri hiburan tempatan zaman 1940-an hingga 1950-an seperti lagu dan filem Melayu zaman seniman P. Ramlee dan Saloma yang menarik peminat melintasi batas etnik. Ramai peminat P. Ramlee, Saloma dan beberapa artis terkenal Melayu masa itu juga datang daripada masyarakat bukan Melayu seperti Cina dan India, termasuk bumiputera dari Sabah dan Sarawak. Begitu juga industri hiburan India, khasnya dari utara yang menjadi tumpuan peminat daripada pelbagai etnik pada zaman berkenaan. Nama pelakon dan bintang zaman itu seperti Raj Kapoor, Shashi Kapoor dan Rajesh Khanna serta filem seperti *Bobby* mengikat peminat tanpa mengira garis etnik.

Perkara di atas itu amat berbeza dengan keadaan di masa sekarang di mana berhubung dunia hiburan, etnisiti tetap menjadi garis penentu berkaitan siapa peminat siapa. Minat setiap komuniti terhadap industri hiburan boleh jadi dipengaruhi oleh latar belakang etnik. Kebanyakan peminat industri hiburan tempatan yang dimonopoli Melayu datang daripada masyarakat berkenaan terutamanya. Sementara itu, masyarakat Cina pula tertumpu kepada industri hiburan mereka sendiri, sekalipun itu bermakna meminati industri hiburan yang berpusat di Taiwan dan Hong Kong. Kaum India pula lebih tertarik kepada

Hubungan Sesama Manusia

industri hiburan dari India, khasnya dari industri hiburan India Selatan. Justeru, haluan sudah mula berpecah dalam hal yang paling mudah dan asas dalam pembentukan pandang dunia masyarakat majmuk.

Ketiga, keadaan zaman 1940-an sehingga 1950-an mungkin juga dipengaruhi penjajahan. Sekaligus ia juga merupakan zaman serba kekurangan, khasnya dari segi pilihan dalam banyak aspek. Dari segi industri hiburan, di dunia di sebelah sini, Studio Jalan Ampas pernah memainkan peranan terpenting dalam menyatukan pandangan dan selera masyarakat majmuk Malaysia. Akan tetapi, di era berikutnya, pelbagai pengaruh dan industri hiburan baru turut muncul untuk memberikan pesaingan dan pilihan. Oleh kerana persekitaran turut mengalami perubahan, maka setiap etnik mempunyai tarikan yang menawarkan mereka pilihan. Maka dengan itu bermulalah pandangan bahawa kelainan itu unik dan kelainan itu wajar dikejar supaya identiti masing-masing terserlah atau tertegak. Ini bukan suatu pegangan yang berkekalan kerana identiti massa juga tidak lama kemudiannya ditolak kerana ia dianggap mengaburkan sifat dan asal usul seseorang itu dalam gambaran yang lebih besar. Misal kata, siapakah Orang Penan (gambar kecil) dalam kerangka rakyat Sarawak (gambar besar) atau rakyat Malaysia (gambar lebih besar)? Apa beza Orang Penan itu dengan Orang Cina yang juga rakyat Bangsa Malaysia? Dengan Orang Cina dari Tanah Besar? Dengan India Malaysia atau India dari Tanah Besar India? Dengan Melayu Malaysia atau Melayu Indonesia? Dalam keadaan sebegini, apakah tidak mungkin Orang Penan lebih rela dikenali sebagai Orang Penan Malaysia kerana dalam kontek ini sekurang-kurangnya mereka wujud dan mempunyai sebuah identiti dan dikenali (gambar kecil).

Keempat, apakah tidak mungkin hubungan etnik yang dikatakan kurang baik di zaman sekarang tidak berpunca dari keruntuhan sistem hubungan manusia di zaman yang lampau lagi. Zaman 1940-an sehingga 1960-an merupakan satu detik sebelum merdeka (Malaya). Tetapi selepas itu, kemerdekaan (1957) banyak membuka peluang dan pilihan. Bukankah ini yang merupakan punca

pelbagai arah yang boleh diambil atau dipilih setiap individu dan etnik dalam mengorek sejarah dan meninggalkan kesan masing-masing? Selepas merdeka, usaha sepatutnya ditumpukan untuk membina satu negara bangsa. Akan tetapi, banyak tenaga telah diberikan untuk membina satu negara tetapi pada masa yang sama pelbagai tenaga juga dibenarkan untuk bersaing menegakkan banyak bangsa (i.e: kepentingan kebangsaan [satu bangsa] berlawanan dengan identiti jenis kebangsaan [banyak bangsa] dalam negara yang sama). Sejarah 1960-an sehingga kini dipenuhi dengan proses tuntut-menuntut, persaingan etnik, dan tolak ansur serta akomodasi dalam membina negara bangsa Malaysia. Dan kebanyakan proses tuntut-menuntut, tawar-menawar dan bertolak ansur serta berakomodasi adalah di antara Melayu dan Cina, dan kadang kala sahaja melibatkan kelompok yang kecil lagi seperti Kadazandusun dan Dayak dari Sabah dan Sarawak. Kepelbagaiannya inilah yang mewarnai hubungan sesama manusia atau etnik dengan pelbagai bentuk hubungan pada masa-masa tertentu, iaitu ada kala ia menunjukkan seakan perpaduan dan integrasi itu amat tinggi. Adakala juga hubungan itu menunjukkan persaingan hebat mendominasi hubungan baik sesama manusia atau antara etnik, sementara konflik pun pernah tercetus apabila tahap minima akomodasi tidak dapat dicapai.

Keadaan hubungan sesama manusia atau antara etnik memang berbeza di zaman-zaman 1940-an sehingga 1960-an berbanding di tahun-tahun sejak 1970-an yang banyak mengandungi peristiwa buruk dan mencabar proses membina negara bangsa seperti rusuhan 1969, Operasi Lalang pada 1987 dan rusuhan Kampung Medan pada 2001. Ketiga-tiga insiden utama dan malang ini mempunyai kaitan dengan etnik, iaitu sama ada ia berpunca sebagai masalah etnik atau dalam proses ia berlaku unsur etnik menyusul masuk ke dalam pertimbangan pihak yang bergaduh. Ini belum mengambil kira beberapa insiden kecil yang tidak dilaporkan dari masa ke masa yang melibatkan pergaduhan merentasi etnik di pelbagai kawasan dalam negara, termasuk misalnya penghantaran SMS (sistem pesanan ringkas) yang menyebarkan berita bahawa

Hubungan Sesama Manusia

terdapat pergaduhan etnik di Pasir Gudang, Johor pada petengahan kedua 2007.

Kerenggangan hubungan etnik bukan perkara baru di negara ini. Namun, ia adalah suatu yang tiada seorang pun mahu mengakuinya kerana seorang yang mengakuinya akan dilabelkan sebagai “suara pembinas” (*prophet of doom*). Kebanyakan pandangan mengatakan bahawa kebijaksanaan dalam hal ini ialah untuk berdiam diri dan berharap ia akan berlalu dan selesai dengan sendiri. Kononnya, inilah kaedah paling baik untuk jaga hati orang ini, etnik itu dan sebagainya. Tetapi sejarah menunjukkan bahawa suatu yang terpendam, akhirnya juga akan tercerus dan bahannya turut membakar seperti tragedi rusuhan kaum (etnik) 1969. Masalah serius hubungan etnik benar-benar wujud apabila pelbagai konteks telah memperlihatkan kerenggangan hubungan sesama manusia. Di institusi pengajian tinggi, iaitu sebuah tempat penting untuk memupuk kelahiran satu negara bangsa, polarisasi berasaskan etnik telah dilaporkan berlaku secara berleluasa sejak awal 1990-an. Ini berlaku bukan sekadar suatu etnik tidak mahu berkongsi asrama dengan etnik lain, tetapi pernisahan hubungan berasaskan etnik turut berlaku di semua tempat, iaitu di kantin, bilik kuliah, persatuan dan riadah. Sekumpulan mahasiswa dari satu etnik akan sentiasa memilih untuk berkelompok di kalangan etnik mereka sendiri, iaitu baik semasa membuat tugas ilmiah untuk suatu kursus mahu pun duduk di kantin semasa minum dan makan, termasuk dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum.

Setelah lebih lima puluh tahun selepas Malaya merdeka pada 1957 dan lebih kurang 45 tahun sesudah Persekutuan Malaysia ditubuhkan, hubungan sesama manusia di negara ini masih berada di paras sederhana sahaja, iaitu secukup sahaja untuk menampung keamanan antara etnik bagi membolehkan proses politik dan pertumbuhan ekonomi berjalan lancar. Justeru, beberapa persoalan timbul. Apa lagi yang perlu dalam usaha memupuk hubungan sesama manusia yang lebih baik? Apakah yang tidak dibuat yang sepatutnya dilakukan? Apakah atau dimanakah masalah masih berada? Apakah benar kata-kata sesetengah

pihak bahawa manusia kelahiran 1940-an dan 1950-an mampu membina hubungan sesama manusia melintasi etnik dengan lebih baik berbanding keturunan mereka yang dilahirkan di zaman kemudiannya? Mampukah mereka mengekalkan tahap hubungan berkenaan sekiranya mereka yang berada di zaman keturunan mereka? Zaman silih berganti. Persekutaran juga turut berubah. Manusia pula terikat kepada zamannya. Mana nak sama seorang yang dilahirkan pada era 1940-an dengan seorang yang dilahirkan pada era ke 1990-an? Pada era 1940-an, misalnya Malaya/ Malaysia berada di zaman susah; negara ditakluk; ekonomi runtuh dan mata wang tiada nilai. Pada era 1990-an pula, negara maju dan sejak 1970-an, ekonomi negara berkembang sekitar 4% setahun; rakyat yang lahir pada era 1990-an tidak kenal susah melainkan kemewahan, keselamatan dan keamanan. Justeru, janganlah nak merayu supaya mereka faham dan dapat menghargai keperluan berkerjasama yang ditunjukkan para pemimpin pelbagai etnik di masa lampau atau perjuangan dan pengorbanan pemimpin di zaman yang sama. Mereka tidak akan dapat berbuat demikian kerana mereka lahir di zaman yang berbeza maka mereka tidak mempunyai asas dan latar belakang untuk menghargai perkara-perkara tersebut.

Hubungan intim yang didasari nilai murni adalah lumrah hubungan sesama manusia bagi masyarakat tradisional khasnya, termasuk kemudiannya oleh masyarakat luar bandar. Tempoh berkaitan penggunaan konsep "tradisional" atau "luar bandar" perlu dijelaskan. Di sini, tradisional digunakan bagi merujuk kepada alam atau zaman sebelum kedatangan penjajahan, sementara dikotomi bandar-luar bandar adalah zaman selepas kedatangan penjajahan. Bagi wilayah di Malaya/ Malaysia, ini boleh mewakili abad yang berbeza kerana sejarah penjajahan adalah berbeza antara negeri Melayu dan Negeri Selat di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Dikotomi ini penting dalam kajian ilmuan seketika sahaja. Mulai kurun ke-20, perbezaan bandar-luar bandar menjadi kabur bagi kebanyakan negara yang sudah membangun, termasuk Malaysia. Ini adalah kerana sempadan yang menjadi pemisahnya suatu ketika sudah tidak relevan menjelang abad ke-20.

ASAS BERMASYARAKAT

Bagi masyarakat tradisional seperti komuniti rumah panjang di Sarawak misalnya, hubungan sesama manusia adalah intim di antara semua penduduk rumah panjang berkenaan. Ini adalah kerana lazimnya masyarakat atau komuniti rumah panjang terdiri daripada sanak saudara. Setiap keluarga (bilik) dan para ahlinya mempunyai pertalian persaudaraan, sama ada pertalian darah atau melalui perkahwinan. Justeru, perpaduan amat tinggi sekali di kalangan masyarakat rumah panjang. Perpaduan ini wujud dalam pelbagai bentuk hubungan dalam kehidupan berumah panjang.

Beberapa perkara dapat dikaitkan dengan perpaduan yang sedia wujud di rumah panjang. Pertama, pandang dunia mereka adalah sama kerana ia didasari nilai bersama atau nilai dikongsi. Kedua, nilai dikongsi diperkuuhkan lagi oleh sifat kesamarataan yang ada pada masyarakat rumah panjang yang lazimnya egalitarian. Semua boleh diibaratkan “dilahirkan sama” (*born equal*). Tiada seorang atau suatu bilik dalam rumah panjang itu lebih ketara berada berbanding yang lain. Ketiga, kewujudan sifat egalitarian ini bukan bermakna tiada suatu bentuk susun atur (*order*) atau hiraki dalam masyarakat rumah panjang sebagaimana mungkin telah disalahertikan oleh pengkaji luar. Mereka telah mengatakan bahawa masyarakat rumah panjang atau Dayak adalah egalitarian. Oleh yang demikian, mereka menyimpulkan bahawa semua ahli masyarakat rumah panjang adalah sama rata dan dalam komuniti itu tidak wujud sebarang susun lapis. Rumusan ini yang dibuat oleh pengkaji luar adalah mungkin kesilapan besar pernah berlaku dalam kajian tempatan oleh sarjana luar kerana walaupun egalitarian secara umumnya, namun ada beberapa perkara penting yang menunjukkan bahawa terdapat juga hiraki atau susun atur dalam masyarakat rumah panjang/ Dayak di Sarawak. Kedudukan penting dalam rumah panjang seperti jawatan Tuai Rumah (headman), Tuai Bilik (*family/household head*), Tuai Burung (*bird elder/auger*), Manang (*medicine man*), Tuai Kayau (*war leader*), atau Manok Sabong (*warrior*) menunjukkan bahawa terdapat kedudukan dan

pembahagian kerja yang mempunyai peranan dan tanggungjawab yang berbeza dan juga penghormatan yang turut berlainan kerana setiap satu tugas itu.

Justeru, tiada masalah utama berkaitan pelaksanaan dan penerimaan autoriti tradisional, kuasa dan pengaruh dalam masyarakat tradisional seperti dalam komuniti rumah panjang. Autoriti tradisional, kuasa dan pengaruh dipegang oleh pelbagai jawatan atau pusat seperti Tuai Rumah, Tuai Bilik dan Tuai Burung. Kepatuhan adalah sukarela kerana sekiranya seseorang ahli yang dijatuhkan hukuman tidak mahu patuh, maka pemegang-pemegang autoriti tradisional, kuasa dan pengaruh dalam masyarakat berkenaan tidak mempunyai sokongan untuk menguatkuasakannya. Namun, penguatkuasaan hukuman tradisional tidak perlu kepada paksaan di zaman tradisional. Para ahli yang dijatuhkan hukuman akan dengan sukarela patuh kerana hukuman yang dijatuhkan itu bertepatan dengan adat yang mengandungi nilai-nilai dikongsi. Bak kata pepatah Melayu: *biar mati anak, jangan mati adat*. Tiada seorang pada bila-bila masa boleh terkecuali daripada pengaruh adat atau peraturan masyarakat, seperti kata pepatah Dayak Iban pula: *bejalai belalau ke adat, tinduk berpanggar ke adat*. Dalam kontek ini, “*bejalai*” bukan bermakna “berjalan” seperti makna literalnya, tetapi “berjaga”, “siang” atau “hidup”. Justeru, semasa hidup, ada adat yang memandu hidup seseorang. Bahkan semasa mati (diibaratkan tidur [tinduk] pun ada adat (atau peraturan) yang mengawal penyemadian seseorang itu. Begitu pentingnya adat dan peraturan dalam kehidupan masyarakat tradisional seperti di rumah panjang/Dayak.

Semestinya dalam masyarakat egalitarian atau saksama, setiap kedudukan ini diisi oleh seorang yang paling layak yang diangkat melalui proses penyaringan terbuka. Para ahli sudah pasti tidak akan menerima sesiapa untuk mengetuai mereka tanpa seorang itu terlebih dahulu membuktikan bahawa beliau adalah paling layak untuk tujuan tersebut. Inilah sifat kompetitif di kalangan masyarakat rumah Dayak yang sudah lama diakui wujud oleh pengkaji luar. Sifat ini juga dikatakan sudah menjadi sebahagian daripada komponen utama budaya

Hubungan Sesama Manusia

masyarakat berkenaan. Kebaikannya sudah pasti bahawa pemimpin akan dipilih secara terbuka dan dari kalangan yang dapat membuktikan kebolehan dan seterusnya mengekalkan kelebihan ini untuk terus memegang tumpuk kepimpinan dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, budaya ini semacam tidak konsisten dan bercanggah dengan sifat budaya saksama atau egalitarian kerana menjadi tanda tanya ialah bagaimana pula seorang yang lebih baik sifat kepimpinannya boleh muncul di kalangan mereka yang mempunyai latar belakang dan pengalaman yang lebih kurang sama sahaja.

KONTAK PERTAMA

Perkelompokan manusia mengikut garis ras atau etnik adalah fenomena alam semula jadi. Ia bukan suatu sikap dan kecenderungan yang dapat dikikis dengan begitu mudah demi apa juar kepentingan dan matlamat yang mungkin lebih besar iaitu negara bangsa. Biarpun tingkah laku manusia itu lama sudah diakui sebagai suatu yang dapat diajar atau dipupuk, ibarat kain putih yang dicorakkan warna warninya oleh seorang pelukis; dan pada masa yang sama, ia juga turut diperakui sebagai suatu yang boleh diubah mengikut selera pelukisnya. Namun, hakikat dan hukum alam tetap mengatakan bahawa kaum Dayak lebih senang tinggal dalam persekitaran kaum Dayak sahaja. Di sinilah mereka boleh mengamalkan segala cara hidup dan amalan budaya tanpa sebarang larangan dan sekatan dari nilai dan budaya yang berlainan. Sentimen, kecenderungan dan keadaan ini pasti dikongsi oleh Melayu, Cina, India dan Kadazandusun, termasuk sekali oleh bangsa Anglosaxon dan Hitam. Jika kecenderungannya adalah sebaliknya, maka bagaimana mungkin timbul penempatan berasaskan etnik di Malaysia seperti Kampung Baru (Kuala Lumpur) yang diduduki majoriti Melayu, perkampungan India di Brickfields dan Sentul, dan perkampungan Cina di Jinjang, Semenanjung; Kampung Melayu Petrajaya, dan petempatan Cina di Kuching Selatan, Kuching, dan perkampungan Melayu di Kampung Nyabor, Sibu, Sarawak; atau yang berasaskan ras seperti perkelompokan hitam

di pedalaman bandar (*inner city*) kota New York, konsentrasi komuniti Cuba di Miami, Florida; ikatan Cina di bandar-bandar Cina seperti di beberapa negeri di California, New York dan bandar utama UK seperti di Manchester dan London; dan perkampungan India di Leeds-Bradford, UK.

Rumah panjang tetap diduduki Dayak (sama ada Iban, Bidayuh atau Orang Ulu). Ini adalah keadaannya berkurun-kurun sebelum Sarawak terbuka kepada pengaruh luar yang bermula dengan kedatangan Brooke yang diundang untuk memerintah negeri berkenaan pada awal 1840-an. Setiap penduduk bumiputera seperti Melayu, Dayak, Iban, Bidayuh, Orang Ulu dan Melanau menetap di kawasan dan sempadan masing-masing. Pertemuan antara etnik berlaku di luar wilayah masing-masing dan ia berlaku bagi tujuan yang mendatangkan faedah kepada kedua-dua pihak. Sejarah silam Sarawak melaporkan bahawa Dayak Skrang dan Melayu bersatu di Laut Cina Selatan, iaitu tempat kedua-dua kelompok itu bekerjasama melakukan rompakan. Tiada masalah dalam hubungan mereka kerana tiada persaingan; hanya kerjasama. Dayak Iban Skrang lebih gemar mendapatkan kepala musuh yang dikalahkan sementara harta benda dan barang kemas lain dikebas oleh Melayu. Dengan pedagang Cina, hubungan juga sementara dan tertumpu kepada urusan jual beli. Tongkang besar akan mudik ke hulu sungai yang diduduki Dayak untuk mencari pelanggan di rumah-rumah panjang yang berada di sepanjang sungai itu. Hubungan awal dengan pedagang Cina, termasuk juga dengan pedagang Melayu tidak begitu mesra kerana unsur tipu menipu antara satu sama lain. Konflik adalah minima selagi etnik berlainan nilai, cara hidup dan budaya tidak kerap bertembung dalam ruang fizikal yang sama, sama ada untuk urusan jual beli atau apabila terserempak secara tidak sengaja dalam kehidupan.

Mengekalkan pemisahan antara etnik yang sedia kala adalah selaras dengan dasar Brooke yang memerintah selama 100 tahun mulai 1841. Tiga Rajah yang silih berganti memerintah menyatakan bahawa itu adalah dasar terbaik supaya keadaan semula jadi Sarawak yang mereka jumpai ketika itu terpelihara dan

Hubungan Sesama Manusia

pelbagai etniknya tidak terganggu kerana kehadiran pemerintahan Rajah berkulit putih itu. Ini boleh disamakan dengan dasar umum empayar British yang tidak mahu campur tangan dalam urusan tempatan. Justeru Dayak (Bidayuh) dan Melayu yang merupakan kelompok pertama dijumpai Brooke di Sarawak (kawasan sebesar Kuching ketika itu) dibiarkan menjalankan urusan yang sedia mereka lakukan sebelum itu. Apabila keperluan membuka aktiviti ekonomi untuk mengumpul dana bagi membangunkan Sarawak, barulah Brooke memilih untuk menggunakan pedagang dan pekerja Cina bagi tujuan itu. Brooke menggalakkan kedatangan pendatang Cina dari Tanah Besar secara beramai-ramai mulai awal 1900 an.

Kedatangan pendatang Cina ini telah menimbulkan dimensi baru dalam hubungan manusia, khasnya hubungan mereka dengan penduduk bumiputera seperti Dayak (Iban, Bidayuh dan Orang Ulu) dan Melayu. Pertama, kedatangan imigran Cina menimbulkan persaingan untuk ruang fizikal, khasnya tanah untuk pelbagai kegiatan ekonomi yang dirancang oleh kerajaan Brooke. Sejarah awal telah melaporkan bahawa konflik mensifatkan hubungan antara Dayak Iban dan pendatang Cina di sekitar kawasan Rejang bawah. Pergaduhan disebabkan pendatang baru telah mengambil alih tanah yang ditinggalkan oleh Dayak kerana sistem pertanian cara pindah randah atau “potong, bakar dan pindah”. Kedua, Kerajaan Brooke memang menggalakkan pemisahan kerana pada pandangan Rajah ia adalah terbaik untuk mengekalkan cara dan gaya hidup serta amalan tradisi unik masyarakat pelbagai etnik di negeri berkenaan. Apa yang cuba mereka buat ialah menentukan ruang fizikal setiap etnik terus terpelihara. Ketiga, terdapat juga sebilangan kecil pendatang ini yang keluar dan menceroboh masuk ke kawasan orang lain, iaitu kawasan bumiputera dan mendirikan kediaman mereka di situ. Pada ketika ini barulah nampak kesediaan dan kesanggupan pendatang Cina merendahkan diri demi mendapat tempat dan boleh hidup di ruang fizikal Dayak. Dayak yang terkenal dengan budaya dan sikap peramah lagi terbuka mudah terpedaya dan menerima mereka sehingga sanggup untuk

memberi dan berkongsi ruang fizikal supaya pendatang itu boleh memulakan kehidupan baru di situ. Tapi sikap rendah diri dan kesediaan menyesuaikan diri itu tidak berpanjangan kerana ia hanya wujud hanya pada generasi pendatang itu sahaja iaitu pada peringkat ibu bapa pendatang. Anak-anak pendatang sudah lupakan perkara ini, ibarat: “kacang lupakan kulitnya”. Mereka tidak mengambil kisah tentang pengorbanan Dayak yang membantu ibu bapa mereka hidup dalam alam Dayak. Hartanah dan bantuan yang memberikan mereka kehidupan baru dan kejayaan di tempat asing masih dipegang oleh ibu bapa mereka sehingga ke hari ini dan masih membantu anak-anak mereka dalam urus niaga. Tetapi, perasaan berterima kasih kepada Dayak yang membantu suatu ketika dahulu sudah tidak diingati lagi. Betapa cepatnya mereka, seperti pernah dikatakan oleh seorang bekas Perdana Menteri Malaysia, “...mudah lupa”.

Pertembungan terhad sesama manusia atau antara etnik di Sarawak berlaku sepanjang pemerintahan Brooke (1841-1941) dan ia mula terbuka sedikit pada zaman *Koloni*. Walaupun Brooke cuba mengekalkan pelbagai dunia etnik yang wujud bersebelahan melalui dasar “tidak campur tangan” dan “pecah dan perintah” namun mereka terpaksa juga membuka sedikit ruang untuk pertembungan bumiputera dengan pendatang kerana keperluan pelbagai dasar kerajaan dan pentadbiran mereka. Pada awal pemerintahannya dan demi mewujud dan memantapkan kerajaan, Rajah James terpaksa menakluki kawasan-kawasan berhampiran demi mendapatkan pengiktirafan di samping keamanan bagi kerajaan mereka. Akibat itu juga, pelbagai kelompok dan etnik yang menduduki kawasan-kawasan berlainan itu dibawa untuk berinteraksi dalam ruang fizikal yang diwujudkan oleh Brooke. Dalam kerajaan Brooke, setiap masyarakat bumiputera dan juga pendatang Cina diberi perwakilan. Walaupun ahli masyarakat pelbagai etnik masih kekal dalam ruang fizikal masing-masing, namun wakil mereka seperti pembesar-pembesar Melayu, penghulu atau temenggong bagi masyarakat bumiputra Dayak dan kapitan bagi masyarakat pendatang Cina kerap bertemu untuk memberi nasihat kepada Rajah

Hubungan Sesama Manusia

yang memerintah mengenai hal ehwal masyarakat masing-masing. Sehingga itu tiada sebab untuk bersikap kompromi, kerjasama dan bantu membantu dengan bumiputera kerana mereka datang untuk sementara dengan niat mencari kekayaan semata-mata. Selepas mendapat kekayaan, mereka akan balik ke negara asal. Justeru, tembok yang ditegakkan dasar dan amalan Brooke menepati hasrat mereka dan mereka senang menegakkan institusi sosial mereka secara berasingan daripada pentadbiran Brooke dan bumiputera. Dalam konteks itu, pendidikan yang diasaskan bertujuan menyediakan mereka untuk kembali suatu hari nanti. Oleh itu, bukan sahaja kandungan pengajaran didasarkan kurikulum di negara China, tetapi guru-guru juga hendaklah didatangkan dari sana bagi mengekalkan keaslian sistem pendidikan.

Pengasingan diri yang ditegakkan oleh masyarakat pendatang seperti gambaran ringkas di atas bukanlah suatu yang unik kepada pendatang Cina di Sarawak sahaja tetapi ia turut menggambarkan keseluruhan sikap pendatang termasuk Cina di perantauan Asia Tenggara. Bagi pendatang Cina, pegangan dan amalan ini hanya mula berubah apabila dasar kerakyatan China diubah selepas Perang Dunia Kedua. Selepas Perang Dunia Kedua, China tidak lagi akan menganggap seorang Cina di luar negara China sebagai rakyatnya secara automatik. Kerana ini, maka Cina di Sarawak, seperti juga di lain-lain tempat, mula melihat negara tempat mereka berada ketika itu sebagai negara sendiri. Perkara ini memaksa pertembungan antara penduduk bumiputera negara berkenaan dengan pendatang Cina kerana pendatang itu perlu mendapatkan ruang fizikal di tempat berkenaan.

Kebanyakan kisah negara yang mempunyai banyak pendatang pada zaman sebelum merdeka dipenuhi dengan sejarah perjuangan antara penduduk bumiputera dengan pendatang kerana pendatang memaksa diri mereka memasuki ruang fizikal di tempat berkenaan. Ini sudah pasti akan mencetuskan tentangan daripada penduduk bumiputera atau tempatan. Di Sarawak dan Sabah, persaingan antara penduduk bumiputera dan pendatang Cina tidak sehebat

apa yang berlaku di Negeri-negeri Tanah Melayu dan Negeri-negeri Selat. Sejarah melaporkan bahawa penduduk Sarawak tidak bersedia untuk merdeka selepas tamat pendudukan Jepun pada 1946, termasuk sehingga ke penubuhan Malaysia pada awal 1960-an. Hanya usaha dan kempen bersungguh-sungguh pelbagai pihak berjaya menimbulkan sambutan positif di Sabah dan Sarawak. Ini berbeza berbanding di Negeri-negeri Tanah Melayu dan Negeri-negeri Selat, di mana desakan untuk mencapai kemerdekaan bagi negeri-negeri berkenaan memaksa semua pihak supaya bersedia untuk berunding dan bekerjasama iaitu di antara Melayu sebagai penduduk bumiputera, pendatang Cina, pendatang India dan penjajah Inggeris. Di Semenanjung, perjuangan dan perundingan untuk mencapai kemerdekaan telah mempengaruhi corak hubungan manusia, khasnya antara pelbagai etnik. Ia telah menghasilkan apa yang popular digelar “kontrak sosial” antara pelbagai etnik dan pihak penjajah tentang banyak perkara mengenai politik dan pemerintahan di Persekutuan Tanah Melayu yang terdiri daripada Negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat.

TERMA KEMESRAAN

Hubungan sesama manusia di Negeri-negeri Tanah Melayu, Negeri-negeri Selat, Sabah dan Sarawak adalah kompleks. Ini bertentangan dengan hakikat bahawa hubungan manusia sebenarnya adalah mudah kerana lazimnya ia dibina berdasarkan suka sama suka. Tetapi hubungan sesama manusia dalam Persekutuan Malaya dan kemudiannya Persekutuan Malaysia adalah amat kompleks kerana ia didasari oleh pelbagai terma dan peraturan yang ditaksirkan berubah-ubah dari semasa ke semasa. Perubahan penaksiran ini berlaku kerana ia bergantung kepada siapa yang berkuasa untuk mentaksirkannya pada waktunya tertentu. Berhubung Persekutuan Malaysia pada masa kini, pelbagai terma hubungan mesra telah ditetapkan. Selain boleh wujud kerana prinsip “suka sama suka”, hubungan sesama manusia hendaklah diwujudkan mengikut dua garis panduan utama, iaitu “Kontrak Sosial” (1948) yang dihasilkan untuk menyatukan

pelbagai etnik di bawah Persekutuan Malaya dan “Perjanjian Malaysia” (1963) yang menggabungkan empat wilayah: Malaya, Singapura, Sabah dan Sarawak. Selain dua terma utama itu, Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1971) turut memainkan peranan amat penting dalam mewarnai rupa dan bentuk hubungan sesama manusia yang sudah ditentukan corak dan bentuknya oleh “Kontrak Sosial” dan diubah suai atau dihalusi pula oleh “Perjanjian Malaysia”.

Kontrak Sosial

Kontrak sosial adalah pakatan politik yang dicapai antara Melayu dan bukan Melayu (iaitu bekas pendatang Cina dan India) di bekas Negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat di Semenanjung sahaja. Ia tiada kaitan secara langsung dengan penduduk bumiputera dan pendatang Cina di Sabah dan Sarawak. Sejarah melaporkan bahawa kepentingan kontrak sosial ini ialah ia menyediakan kerangka untuk kerjasama antara pelbagai etnik di Persekutuan Malaya yang bakal mendapat kemerdekaan pada 1957. Pakatan ini menyentuh beberapa perkara pokok tentang masyarakat, politik dan pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu. Pertama, kontrak sosial menentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 yang merdeka pada 1957 adalah sebuah negara majoriti Melayu. Sesetengah sarjana menggunakan konsep “ketuanan” Melayu bagi menggambarkan keadaan ini sekalipun dengan berhati-hati kerana ada pihak bukan sahaja mengambil hati ke atas penggunaan konsep itu tetapi membangkang penggunaannya sama sekali. Tetapi dari segi praktik dan amalannya, kedua-dua konsep ini tiada beza; bahkan ia membawa maksud yang sama, iaitu ia merujuk kepada kekuasaan yang berada di tangan satu pihak sahaja, dan dalam konteks ini, orang Melayu.

Bagaimanakah dua konsep di atas itu tidak berbeza? Pertama, jangan pandang kepada konsep muafakat yang diamalkan oleh Barisan Nasional semata-mata. Ini adalah kerana amalan boleh memberi gambaran yang agak longgar dan jauh sekali mencerminkan keadaan sebenar mengenai asas berpolitik. Kedua, penilaian mesti didasarkan kepada data dan asas sebenar politik. Dalam konteks

ini, kuasa di peringkat persekutuan ditentukan oleh kedudukan kerusi Dewan Rakyat selepas setiap pilihan raya umum. Di Malaysia, pada pilihanraya umum 2004, terdapat sejumlah 219 kerusi di Dewan Rakyat. Sehubungan itu, kuasa berkait rapat dengan siapa atau kumpulan mana yang menguasai majoriti kerusi Dewan Rakyat di Parlimen. Siapa atau masyarakat manakah yang menguasai majoriti kerusi tersebut? Setakat pilihan raya 2004, terdapat 219 kerusi Dewan Rakyat di parlimen. Dari jumlah itu, lebih kurang 76% (167) dari kerusi itu adalah kerusi Dewan Rakyat dari negeri di Semenanjung. Sebanyak lebih kurang 24% (52) kerusi Dewan Rakyat itu adalah dari Sabah (24) dan Sarawak (28). Dari sejumlah kerusi Dewan Rakyat semenanjung (i.e. 167), lebih kurang 70% (117) adalah kerusi majoriti Melayu yang mana pengundi Melayu merupakan majoriti tidak kurang 51% daripada pengundi berdaftar di kawasan-kawasan berkenaan; bakinya yang lebih kurang 30% (50) adalah kerusi majoriti Cina. Setakat pilihanraya 2004, data Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia menunjukkan bahawa masyarakat India tidak mempunyai satu pun kerusi Dewan Rakyat di parlimen yang mengandungi pengundi majoriti daripada masyarakatnya.

Kedua, hakikat ingin mengekalkan kedudukan majoriti (atau ketuanan) Melayu yang terancam kerana rancangan Kesatuan Malaya mempunyai kaitan rapat dengan kelahiran “Hak Istimewa Orang Melayu” yang turut menjadi salah satu terma dalam kontrak sosial dan termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan ini memastikan bahawa kedudukan Melayu (Semenanjung) adalah terjamin. Sementara kedudukan Melayu terjamin, kerakyatan bagi pendatang Cina turut diperincikan dengan jelas. Oleh kerana prinsip terbuka *jus soli* yang memperuntukan semua yang dilahirkan di Tanah Melayu layak mendapat kewarganegaraannya, maka peruntukan baru dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 ialah: (1) seseorang boleh dipertimbangkan kewarganegaraan setelah beberapa tahun bermastautin di sini, tertakluk kepada tingkah laku yang baik; (2) boleh berbahasa Melayu; dan (3) sedia mengangkat sumpah setia kepada raja dan negara. Ini adalah pertukaran

Hubungan Sesama Manusia

etnik yang penting antara Melayu dan bukan Melayu. Bukan Melayu, Cina khasnya dan juga India, menerima Malaya sebagai negara majoriti Melayu dan sebagai balasan, hak mendapat kewarganegaraan yang dilonggarkan bagi memberi peluang kepada sebilangan besar bekas pendatang dan keturunan mereka mendapat kewarganegaraan Persekutuan Tanah Melayu atau Malaya.

Ketiga, kontrak sosial mengembalikan kedudukan dan kedaulatan Raja-raja Melayu dalam sistem kerajaan beraja. Pada hakikatnya, Raja-raja Melayu sudah lama hilang kuasa sebenar dalam pemerintahan. Ini berlaku sejak penjajahan lagi. Kepentingan pemulihian kedudukan Raja-raja Melayu sangat penting kerana ia menjadi pusat kesetiaan Melayu dan tempat naungan mereka. Amnya, bagi Cina dan India, institusi ini tidak penting. Keempat, agama Islam menjadi agama Persekutuan. Sehubungan peruntukan ini juga dan sebagai timbangannya, agama-agama lain terus dibenarkan untuk dianuti tanpa sebarang sekatan. Bahkan turut termaktub dalam Perlumbagaan ialah peruntukan bahawa setiap agama dibenar untuk menguruskan hal ehwal berkaitan agama masing-masing. Persetujuan etnik (Melayu, Cina dan India) mengenai peruntukan ini adalah juga penting kerana “majoriti Melayu” (ketuanan Melayu). Walaupun demikian, ia tidak memberikan gambaran bahawa Malaya pada ketika itu atau kemudiannya adalah sebuah negara Islam.

Kelima, bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan. Seperti peruntukan agama, bahasa-bahasa lain tidak dihalang penggunaan dan pengajarannya. Peruntukan ini juga penting kerana ia turut menambahkan lagi sifat negara majoriti Melayu kepada senarai yang sudah dibincangkan sebelum ini iaitu kedudukan Raja-raja Melayu, kewarganegaraan, hak istimewa orang Melayu dan agama.

Hubungan sesama manusia, iaitu antara etnik seperti Melayu, Cina dan India, termasuk juga dengan Orang Asli, adalah berpandukan pakatan ini. Pada beberapa abad pertama sejak kontrak itu dimeterai, persetujuan-persetujuan yang dicapai dalam kontrak berkenaan amat dihormati dan menjadi garis panduan

dalam membina hubungan sesama manusia atau antara etnik. Tetapi sentimen ini tidak sepenuhnya dikongsi oleh generasi mendatang. Dengan setiap generasi baru, semangat kerjasama, tolak ansur dan berkompromi yang dilahirkan oleh kontrak sosial semakin pudar. Mereka tidak dapat menghayati semua ini dan mula mempersoalkan pelbagai peruntukan melalui perjuangan yang hanya berasaskan kepentingan etnik atau komuniti masing-masing. Perkara seumpama ini terus memisahkan masyarakat dan mendesak setiap masyarakat untuk terus menuju matlamat masing-masing.

Sebelum 1970-an, tuntutan dalam kontrak sosial tidak mengundang kritikan dan tentangan secara terbuka. Ini kerana ia tidak dilaksanakan secara teratur dan bersungguh tetapi secara sambil lewa, bebas dan terbuka. Justeru, pesaing yang sudah mempunyai kelebihan menyukai pesaingan bebas dan terbuka ini kerana pemainan sentiasa memihak kepada mereka. Pada masa yang sama, pemain baru pasti akan terkandas selalu kerana mereka tiada pengalaman dan daya saing untuk membolehkan mereka bertanding secara adil dengan pemain veteran berpengalaman. Kebebasan dan persaingan tanpa kawalan ini menghamparkan harapan kemerdekaan rakyat Malaysia. Ini adalah kerana dengan kemerdekaan, rakyat Malaysia mengharapkan bahawa kedudukan mereka akan berubah ke arah yang lebih baik. Walaupun sudah merdeka, perkara ini tidak berlaku kerana kelompok yang lebih maju sebelum ini terus maju ke hadapan dan yang kurang maju terus ketinggalan.

Rusuhan 13 Mei 1969 menggambarkan apa yang boleh berlaku sekiranya masalah pembangunan, terutama jurang antara etnik tidak ditangani dengan baik. Ia adalah satu kejadian untuk mengingatkan penduduk pelbagai etnik Malaya bahawa walaupun imbalan kuasa didakwa telah berubah ke arah memihak kepada Cina selepas pilihan raya 1969, Melayu masih “mengawal” keadaan kerana asas berpolitik yang menunjukkan Malaya ialah negeri majoriti Melayu tetap tidak berubah.

Perjanjian Malaysia

Himpunan terma baru yang mendasari hubungan sesama manusia di alam Persekutuan Malaysia terkandung dalam pakatan politik yang digelar "Perjanjian Malaysia". Selepas 1963, terma-terma inilah yang mendasari hubungan sesama manusia atau antara etnik khasnya, termasuk hubungan antara wilayah sama ada pusat-negeri atau negeri-negeri. Dengan itu, maka "kontrak sosial" hanya tinggal sebagai sebuah dokumen sejarah. Ini bukan bermakna, elemen-elemennya tidak relevan dan penting lagi dalam negara baru. Sebenarnya, semua elemen kontrak sosial dahulu masih penting dan ia perlu "difahami semula" dengan pelbagai aplikasinya dalam alam dan negara baru. Dahulunya, ia mengikat Melayu, Cina dan India, termasuk Orang Asli yang tinggal di Persekutuan Malaya sahaja. Selepas Malaysia, bilangan kelompok etnik yang turut terikat bertambah banyak lagi dan ia menjanjikan kerumitan kepada proses berpolitik dan membina negara bangsa. Namun apa sekalipun, ikatan yang berdasarkan terma dalam kontrak sosial itu hanya sebahagian daripada apa yang terkandung dalam Perjajian Malaysia.

Apakah "Perjanjian Malaysia" sebenarnya? Perjanjian Malaysia adalah satu komitmen politik untuk bekerjasama dalam Persekutuan Malaysia yang asalnya terdiri daripada empat wilayah: Malaya, Sabah, Sarawak dan Singapura. Ia juga lebih daripada sekadar senarai persetujuan yang persetujui dan kemudiannya dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Perjanjian Malaysia adalah lebih daripada itu. Sebagai satu komitmen komprehensif, ia boleh dikatakan terdiri daripada: (1) persetujuan-persetujuan yang dicapai secara bertulis oleh para pemimpin, dan perkara-perkara yang dipersetujui dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan seperti yang dapat dilihat dan dibaca di bahagian-bahagian tertentu dalam Perlembagaan berkenaan, contoh: perkara dalam perlindungan tambahan bagi Sabah dan Sarawak; dan kuasa imigresen yang diberikan kepada Sabah dan Sarawak; (2) persetujuan untuk tidak bersetuju mengenai perkara-perkara yang tidak dapat diputuskan dengan konsensus

iaitu permintaan supaya peruntukan perlembagaan seperti “Islam adalah agama Persekutuan” tidak dipakai di Sabah dan Sarawak; dan permintaan untuk mengekalkan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi bersama bahasa Malaysia; dan (3) janji mulut, bahawa Sabah dan Sarawak akan membangun dalam Malaysia dan penduduknya yang berbilang etnik, khasnya bukan Melayu dan bukan Islam (Dayak Sarawak dan Kadazandusun Sabah khasnya), tidak perlu risau kerana kerajaan majoriti Melayu Semenanjung akan memberi layanan yang saksama dan adil kepada semua penduduk bumiputera.

Seperti kontrak sosial, Perjanjian Malaysia adalah suatu yang telah difikirkan dengan mendalam oleh pelbagai pihak yang terlibat. Banyak masa dan tenaga telah ditumpukan untuk membincangkan keraguan dan kebimbangan sesetengah pihak tentang kedudukan dan nasib mereka dalam negara baru. Ini berkaitan dengan beberapa perbezaan asas yang memisahkan penduduk Malaya, Sabah dan Sarawak, termasuk Singapura. Walau bagaimanapun, persetujuan yang telah dicapai tentang cara mengendalikan Malaysia menunjukkan kewibawaan dan kebijaksanaan para pemimpin dalam mencari kata sepakat supaya Malaysia menjadi realiti. Pelbagai terma yang dipersetujui berjaya menenangkan keraguan dan kebimbangan awal tentang Malaysia. Walau bagaimanapun pelaksanaan terma itu tidaklah dibuat sehebat usaha semasa mencari kata sepakat untuk menghasilkan terma-terma kemesraan itu. Sebaik sahaja Malaysia ditubuhkan, keutuhan persetujuan dan integriti persekutuan tercabar. Masalah timbul dari Singapura dan ia berakhir dengan penyingkiran negeri itu daripada Malaysia pada 1965. Masalah yang serupa terus mencabar ketahanan perjanjian kerana kerajaan negeri Sabah dan Sarawak juga menghadapi masalah dengan kepimpinan persekutuan atau pusat. Penyingkiran Singapura tidak meredakan keadaan kerana Sabah dan Sarawak melihat pemisahan itu sebagai alternatif sekiranya masalah tidak dapat diselesaikan secara bersama. Bertentangan dengan tradisi untuk berbincang bagi mencari kata sepakat, kerajaan pusat telah menggunakan kuasa darurat untuk menyelesaikan masalahnya dengan

Hubungan Sesama Manusia

Sarawak pada 1965. Pemecatan Ketua Menteri Sarawak pertama, Stephen Kalong Ningkan, seorang Dayak Iban, tidak menyampaikan mesej yang baik mengenai hubungan sesama etnik dan kerjasama antara etnik daripada kerajaan pusat kepada masyarakat Dayak walaupun Ketua Menteri kedua yang menggantikannya Kalong Ningkan itu adalah juga seorang Dayak Iban, iaitu Penghulu Tawi Sli.

Keraguan dan kebimbangan lahir semula. Apakah kebimbangan dan keraguan terdahulu itu benar? Apakah perjanjian itu hanya “kata-kata manis” bagi memikat sahaja? Sesudah seorang itu termakan umpan, maka setia kepada janji tidak penting. Ia adalah ibarat “nasi sudah menjadi bubur”. Kes Kalong Ningkan bukan persaingan politik peribadi antara Kalong Ningkan dan Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia pertama. Ia berkait dengan, pertama; isu hubungan kerajaan (negeri dan pusat) dan kedua, hubungan sesama manusia pelbagai etnik. Sehubungan itu, kes Kalong Ningkan mempunyai kesinambungannya yang agak kuat di Sabah di mana kepimpinan negeri sering muncul berasaskan perjuangan hak negeri yang terkandung dalam tuntutan Dua Puluh Perkara. Sekurang-kurangnya sebuah parti muncul dan merampas kuasa pada pertengahan 1980-an kerana memperjuangkan hak dan autonomi negeri. Kedua, kes Kalong Ningkan berkait dengan persaingan dan polarisasi politik tempatan di antara Dayak-Melayu sebagai kelompok bumiputera. Persaingan ini adalah dalam konteks janji perkongsian kuasa antara Dayak dan Melayu, tetapi janji lisan ini menjadi kompleks apabila orang ketiga, iaitu minoriti Melanau masuk campur dalam formula itu. Bagaimanakah kepimpinan politik Melanau campur tangan dalam konteks perkongsian kuasa antara Dayak dan Melayu di Sarawak?

Dasar Ekonomi Baru

Pengukuh Elemen Kontrak Sosial & Perjanjian Malaysia

Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dilancarkan pada 1971 bukanlah suatu idea baru. Ia berkaitan rapat dengan satu daripada matlamat kontrak sosial 1948. Ini ialah "Hak Istimewa Melayu" atau "Hak Istimewa Melayu serta Bumiputera Sabah dan Sarawak" selepas 1963 kerana penubuhan Persekutuan Malaysia. Dalam konteks itu, DEB boleh dilihat sebagai suatu perancangan teratur dan rapi bagi mencapai sasaran meletakkan Melayu serta bumiputera Sabah dan Sarawak di teripat yang selaras dengan kedudukan mereka sebagai bumiputera negara. Dalam hal ini, "hak istimewa" ini telah menetapkan kedudukan dan peranan Melayu serta bumiputera Sabah dan Sarawak dalam segala aspek kehidupan bermasyarakat di Malaysia sama ada dalam bidang sosial, ekonomi dan politik. Sehubungan itu, DEB merupakan jentera ekonomi bagi mengagihkan hasil pertumbuhan ekonomi negara kepada semua etnik. Untuk tujuan itu, ia menetapkan prinsip agihan berdasarkan kedudukan dan nisbah setiap etnik dalam taburan penduduk negara.

DEB dilancarkan akibat rusuhan kaum (etnik) 1969. Tragedi ini penting kerana ia menyedarkan bahawa walaupun Malaysia adalah sebuah negara bebas dan berdaulat, namun ekonominya masih dikawal oleh kepentingan asing. Gambaran kasar data pemilikan saham yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur pada 1969 menunjukkan sebanyak lebih kurang 70% daripada saham itu dimiliki oleh orang asing atau kepentingan asing; hanya sekitar 26% sahaja dimiliki oleh rakyat Malaysia iaitu Melayu dan kepentingan Melayu, lebih kurang 2%; India, lebih kurang 1%; dan Cina, lebih kurang 23%. Justeru, DEB bertujuan mengubah keadaan ini iaitu merapatkan jurang pemilikan saham antara orang Melayu dan bukan Melayu termasuk bumiputera di Sabah dan Sarawak. DEB juga diperkenalkan untuk memastikan bahawa kawalan terhadap ekonomi nanti beralih ke tangan rakyat Malaysia. Di samping itu, ia juga bertujuan menentukan bahawa pemilikan saham ini diagihkan sama rata berdasarkan satu kaedah yang

mengambil kira nisbah suatu kelompok dalam taburan penduduk negara.

Pada awal 1970-an, Melayu dan bumiputera terdiri daripada lebih kurang 60% daripada penduduk negara, sementara Cina adalah lebih kurang 30% dan India lebih kurang 10%. Mengikut cara DEB, maka pembahagian yang adil dan saksama adalah 60:30:10. Namun formula ini belum praktikal untuk dipakai pada waktu itu kerana tahap pembangunan atau kemajuan berasaskan etnik adalah amat berbeza. Jurang antara etnik ini bukan sahaja wujud dalam konteks pemilikan saham seperti yang ditunjukkan oleh data di atas tetapi ia juga menggambarkan keadaan dalam pelbagai sektor seperti pekerjaan di mana bilangan profesional seperti doktor, akauntan, peguam dan jurutera Melayu dan bumiputera adalah amat kecil berbanding Cina khasnya. Justeru, buat sementara waktu supaya masyarakat Melayu dan bumiputera dapat “mengejar” etnik yang sudah maju, perhatian “istimewa” mesti diberikan kepada mereka. Kaedah agihan ini mengingatkan kepada sebuah cerita rakyat dari Sarawak yang berjudul *Jelu Nubai* (i.e. *The Animal Goes [Tuba] Fisihing*). Ini adalah cerita mengenai aktiviti memancing beramai-ramai atau dikenali komunal. Pada penghujung aktiviti, maka hasil dikumpulkan untuk diagihkan. Hasil perbincangan antara mereka yang terlibat, maka ditetapkan bahawa cara pembahagian yang baik adalah yang didasarkan kepada keperluan dan bukannya berdasarkan timbangan unit yang sama rata bagi semua. Misalnya, sudah tentu seekor gajah memerlukan bahagian yang besar berbanding seekor rusa dan juga pelanduk. Begitulah seterusnya keperluan setiap binatang lain yang turut terlibat dalam memancing beramai-ramai, pembahagian yang adil kepada mereka adalah mengikut keperluan masing-masing. Cara ini juga selaras dengan pepatah Dayak: *Pedua badak, mit kelikit, besai kelikai* (kaedah pembahagian badak, kepada yang besar, maka besarlah bahagian dan kepada yang kecil, kecillah bahagian mereka).

Walau bagaimanapun, umumnya DEB adalah bersifat sederhana dalam penetapan sasaran jangka pendeknya, iaitu meningkatkan penglibatan Melayu dan bumiputera ke tahap 30% menjelang 1990. DEB jelas tentang sasarannya,

iaitu orang Melayu serta masyarakat bumiputera Sabah dan Sarawak. Tetapi apakah bahagian Sabah dan Sarawak? Bagaimana pula mengagihkan hasil pertumbuhan ekonomi ini kepada pelbagai kelompok bumiputera di Sabah dan di Sarawak? Perkara ini tidak pernah diberi perhatian walaupun prinsip umumnya sedia ada dalam DEB, iaitu nisbah suatu etnik dalam taburan pendudukan negeri (negara). Berdasarkan prinsip ini, maka secara kasar sebanyak lebih kurang 43% daripada hasil yang mengalir ke Sarawak sepatutnya diperuntukkan kepada orang Dayak Iban, 11% bagi Bidayuh, 7% bagi Orang Ulu, 30% bagi Melayu dan 9% bagi Melanau. Ini adalah adil kerana berdasarkan nisbah setiap etnik bumiputera dalam taburan penduduk negeri, iaitu Dayak Iban (lebih kurang 30%), Bidayuh (8%), Orang Ulu (5%), Melayu (21%) dan Melanau (6%).

Walaupun DEB umumnya adalah baik untuk semua etnik dalam negara, ia tidak mendapat sokongan sepenuhnya. Di kalangan bumiputera yang sepatutnya menikmati hasilnya, pandangan mengenainya juga berbelah bagi. Pertama, matlamat DEB memang baik kerana semua ada bahagian pada dasarnya. Tetapi, dalam mengejar matlamat jangka panjangnya, maka usaha bersepodu dan tumpuan lebih di peringkat awal perlu diberikan kepada Melayu dan bumiputera kerana mereka jauh ketinggalan disebabkan dasar ekonomi British yang memihak kepada Cina selama tempoh penjajahan. Penumpuan lebih kepada Melayu dan bumiputera inilah yang menyebabkan sokongan bukan Melayu dan bukan bumiputera amat lembab. Seperti sering diperkatakan pelbagai pihak iaitu selagi orang Melayu dan bumiputera tidak mempunyai daya saing seperti masyarakat lain yang sudah maju, maka dasar ekonomi yang memihak kepada orang Melayu dan bumiputera akan pasti diteruskan supaya jurang pembangunan sosio-ekonomi antara bumiputera dan bukan bumiputera dapat dirapatkan. Apabila matlamat ini tercapai, barulah kaedah agihan mengikut nisbah penduduk praktikal untuk dilaksanakan bagi semua.

Kedua, bahagian setiap bumiputera Sabah dan Sarawak tidak pernah

Hubungan Sesama Manusia

dibincangkan dengan jelas. Justeru, mudah sesebuah negeri, sama ada Sabah atau Sarawak terbabas dalam melaksanakan prinsip dan tujuan DEB di peringkat negeri. Perkara ini amat serius kerana dua sebab: pertama, sepanjang waktu selepas Malaysia, suara tidak puas hati daripada masyarakat bumiputera di Sabah dan Sarawak sering kedengaran. Suara mereka semakin kuat dan juga kerap; mereka mengadu tidak dipedulikan oleh kerajaan negeri khasnya di Sarawak, sementara di Sabah ketidakpuasan hati pernah menyebabkan pertukaran parti yang memerintah di peringkat negeri; kedua, kegagalan DEB membangunkan pelbagai bumiputera di Sabah dan Sarawak akan menjelaskan prestasi keseluruhan DEB dan sekali gus menghamparkan pelaksanaan “Hak Istimewa Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak”; dan ketiga, semua ini pasti menunjukkan kelemahan dan ketidakprihatinan kepimpinan negeri dalam hal ini.

Ketiga, DEB diakui tidak mencapai matlamat 30% pada 1990. Kerajaan telah melaporkan bahawa pada 1990, kira-kira 20% sahaja matlamat itu dicapai. Ini berkait dengan pemilikan saham di Bursa Saham Kuala Lumpur. Dalam bidang dan sektor lain, semangat DEB meningkatkan penglibatan Melayu khasnya dalam i.e. bidang profesional seperti doktor, jurutera, peguam dan akauntan. Oleh kerana DEB, maka bilangan orang Melayu Semenanjung khasnya dan bumiputera Sabah dan Sarawak amnya telah bertambah dalam bidang-bidang profesional. Tetapi isu sebenar di sini ialah bukannya soal peningkatan sehingga 20% sahaja, atau kenapa 30% tidak tercapai pada 1990, atau 45% telah dicapai menjelang petengahan abad ke-19 sebagaimana didakwa oleh seorang penyelidik dari sebuah pusat penyelidikan swasta. Paras sebenar dan terakhir yang perlu dikejar selaras dengan agihan mengikut nisbah pendudukan ialah lebih kurang 65%. Ini tidak terhad kepada pemilikan saham di Bursa Saham Kuala Lumpur sahaja, tetapi dalam setiap sektor dan bahagian penting sosial, ekonomi dan politik negara. Walaupun ini tercapai sekali pun, semangat DEB

akan tetap kekal kerana ia prinsip agihan dan bukan alat untuk mencapai suatu matlamat. Ia adalah matlamat yang adil dan saksama.

RUMUSAN

Pertama, hubungan sesama manusia atau antara etnik dalam masyarakat pelbagai kaum di Malaysia adalah kompleks. Corak hubungan seperti ini akan berterusan kerana negara ditubuhkan berasaskan kerangka perkauman atau bersifat etnik. Justeru, rakyat kelahiran praMalaya merdeka dan juga prapenubuhan Malaysia khasnya telah terasuh untuk berfikir dan bertindak dalam konteks ini iaitu etnik masing-masing dan bukan berjuang, berfikir dan bertindak untuk rakyat Malaysia amnya. Dalam konteks Malaysia, bekerjasama kerana Melayu, Cina dan India diwakili dalam kebanyakan urusan politik khasnya dan pentadbiran negara amnya. Tetapi kaedah yang sama sukar dibela seterusnya dengan sebaik mungkin dalam Malaysia kerana semua etnik yang penting atau utama dalam negara tidak sentiasa diwakili sama ada dalam proses politik kebangsaan atau pentadbiran negara baik di peringkat persekutuan maupun di negeri-negeri berkenaan. Di Malaya suatu ketika, Melayu, Cina dan India mungkin etnik terpenting di negara berkenaan, tetapi di negara Malaysia, Kadazandusun, Bajau dan Murut dan banyak lagi etnik kecil di Sabah dan Dayak Iban, Bidayuh, Orang Ulu, Melayu dan Melanau di Sarawak turut penting juga. Di negeri-negeri berkenaan mereka amat penting sekali walaupun ini tidak selalu diambil kira dalam konteks politik nasional. Bahkan dalam proses politik dan pentadbiran negeri, mereka sering diketepikan oleh kepimpinan negeri kerana sokongan mereka boleh digantikan dengan sokongan dari parti pemerintah di peringkat pusat.

Kedua, kompleksiti hubungan sesama manusia juga akan berlanjutan kerana sifat pemimpin yang berjiwa besar tetapi bertindak sederhana. Dalam sistem pemerintahan, prinsip amnya ialah bahawa sebuah kabinet atau jemaah menteri yang menerajui pemerintahan negara memerintah bagi pihak semua. Ini tidak bertentangan dengan hakikat bahawa seorang ahli jemaah mungkin

Hubungan Sesama Manusia

dilantik bagi mewakili sesuatu etnik. Namun sebagai menteri, beliau tetap menteri untuk semua rakyat dalam negara berkenaan. Pernahkah seorang menteri yang merupakan pemimpin utama sebuah parti yang mewakili suatu etnik bercakap bagi pihak masyarakat etnik lain? Kalau diteliti semua ucapan-ucapan perhimpunan parti-parti utama komponen pakatan negara, jarang isu dan masalah "orang lain" dibincang dan diberi tumpuan dalam perhimpunan-perhimpunan berkenaan. Justeru, kalau inilah cara perkongsian kuasa, siapakah mewakili dan bercakap bagi pihak etnik-etnik yang tidak diwakili seperti Orang Asli, Dayak Iban, Bidayuh dan Orang Ulu?

Hampir 50 tahun Malaysia sudah ditubuhkan, baru kebelakangan ini, iaitu sejak awal tahun 2000, fokus pemerintahan dan kepimpinan negara nampak mula beralih daripada bersifat perkauman (etnik) kepada pendekatan nasional. Walau bagaimanapun ini masih perlu dilihat dengan berhati-hati kerana setakat ini banyak kenyataan mengenai pendekatan ini, tetapi pengisianya belum setimpal retorik. Namun, sekurang-kurangnya pucuk pimpinan sekarang sudah mulai sedar bahawa perubahan itu perlu dan bukan pilihan kerana desakan keterbukaan dan ketelusan yang dibawa oleh proses globalisasi serta liberalisasi.

Ketiga, hubungan sesama manusia atau antara etnik gagal dipertingkatkan ke tahap yang tinggi walaupun pelbagai dasar dan strategi telah dilancarkan oleh kerajaan bagi mendokong prinsip DEB. Pandangan ini selaras dengan beberapa pandangan umum yang sering dibahaskan dalam media massa mulai lewat 1990-an lagi mengenai hal ini. Antara perkara yang dapat disimpulkan mengenai hal ini ialah bahawa perpaduan dan integrasi yang telah digalakkan selama ini tidak seimbang antara Melayu dan bukan Melayu (Cina dan India) dan juga di antara Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak, termasuk juga di antara pelbagai kelompok bumiputera Sabah dan Sarawak itu sendiri. Pelaksanaan DEB dan prinsipnya secara umum memberi pertimbangan yang berat kepada imbalan di antara Melayu dan bukan Melayu (khasnya Cina dan India) di Semenanjung; perhatian kurang diberikan kepada imbalan di antara

Melayu (Semenanjung) dengan bumiputera Sabah dan Sarawak, termasuk di antara pelbagai kelompok dalam kelompok bumiputera Sabah dan Sarawak itu sendiri. Justeru, di awal tahun 2000, ketinggalan bumiputera Sabah dan Sarawak berbanding Melayu Semenanjung telah diakui bagi kali pertama dalam laporan Rancangan Malaysia Kelapan dan oleh Perdana Menteri Malaysia sendiri dalam satu Kongres yang dianjurkan oleh Sarawak Dayak Graduate Association (SDGA) (Sarawak) dan Institute for Indigenous Economic Progress (INDEP) (Sabah) pada 2002.

Sementara keadaan di atas menggambarkan situasi di peringkat pusat atau persekutuan, apakah situasinya berbeza di peringkat negeri? Di Sabah? Di Sarawak? Kalau berdasarkan rungutan sepanjang tempoh Malaysia, dan terkini melalui pelbagai kongres dan seminar seperti yang dianjurkan oleh SDGA dan INDEP, maka kekecewaan beberapa kelompok bumiputera Sabah dan Sarawak amat ketara. Kalaulah keadaan ini tidak begitu baik di Sabah, keadaan ini amat teruk sekali di Sarawak kerana sejak 1970-an, Sarawak terus dipimpin oleh kumpulan yang tidak prihatin. Sebaliknya, mereka telah menyebabkan persekitaran yang subur untuk perbalahan etnik seperti keadaan politik pada 1983, 1987 dan awal 1990-an. Ketinggalan atau peminggiran Dayak jelas dan perkara ini telah pun diakui dalam Rancangan Malaysia Kelapan apabila laporan itu menyatakan bahawa bumiputera minoriti telah tertinggal dalam arus pembangunan dan mereka perlu diberi perhatian khas supaya mereka dapat bersama-sama menikmati hasil pertumbuhan ekonomi dan sekali gus mendapat agihan “buah” (*fruits*) merdeka yang dijanjikan semasa pembentukan Malaysia dan bukan hanya dapat mencium baunya sahaja semasa masyarakat lain berkongsi hasil di musim buah-buahan.

Keempat, apakah peranan swasta dalam hal ini? Peranan mereka amat penting sebagai pelengkap kepada usaha dalam sektor awam. Bagaimanakah pihak swasta khasnya pemilik-pemilik syarikat persendirian dapat diyakinkan untuk berkongsi visi DEB melalui pembukaan syarikat mereka demi matlamat

yang lebih besar iaitu untuk negara. Persoalan ini bukan terhad kepada mengadakan kepelbagaian etnik dari segi bilangannya sahaja, tetapi termasuk usaha mempelbagaikan pelbagai lapisan pengurusannya juga. Kalau tidak, maka ia tidaklah menyumbang kepada imbalan yang cuba ditegakkan oleh DEB. Pihak swasta adalah bahagian yang kurang diketahui sumbangannya kepada pengamalan dan pelaksanaan prinsip DEB. Mungkinkah sudah tiba masa untuk sektor ini dipantau supaya ia juga menyumbangkan kepada pembangunan negara bangsa seperti yang diidamkan oleh DEB.

KESIMPULAN

Isu sebenar dalam hubungan sesama manusia ialah sama ada hubungan yang dibina itu telah diasaskan oleh manusia yang berada dalam kedudukan yang sama. Jika ya, maka hubungan itu adalah sempurna kerana ia tidak dibina dengan suatu niat tersirat. Jika sebaliknya berlaku, maka hubungan itu adalah hubungan berat sebelah, tidak ikhlas dan kerana itu ia tidak akan bertahan lama disebabkan ia adalah hubungan superfisial. Jelas bahawa ini bukanlah cara terbaik untuk membina sebuah negara bangsa yang sepatutnya berkongsi mimpi walaupun masing-masing tidur di atas katil dan bilik yang berlainan.

Harapan untuk hubungan sesama manusia yang lebih baik antara pelbagai etnik di Malaysia (iaitu di antara Melayu, Cina India, Kadazandusun, Murut, Bajau, Dayak Iban, Bidayuh dan Orang Ulu) masih mempunyai harapan yang amat cerah di masa hadapan. Pertama, di kalangan rakyat Malaysia praMalaya merdeka dan prapenubuhan Malaysia, harapan adalah tipis kerana mereka terikat kepada terlalu banyak terma untuk bermesra. Justeru, semua kaku dan tidak dapat bergerak, termasuk hilang inovasi dan kewarasan dalam menjalinkan hubungan mudah sesama manusia. Apa yang sepatutnya mudah menjadi susah dan payah. Ini kerana tindakan mereka tidak didasarkan kepada naluri tetapi terma-terma yang direka oleh manusia yang tidak sempurna. Dalam menghadapi keadaan

sebegini, maka semua memilih untuk bertindak dalam lingkungan terma kerana itulah tindakan yang paling selamat.

Kedua, harapan di masa hadapan semestinya terletak pada rakyat Malaysia, baik Melayu (Semenanjung) yang dominan maupun minoriti besar seperti Cina dan India, termasuk minoriti kecil seperti Kadazandusun, Murut, Bajau, Dayak Iban, Bidayuh, Orang Ulu, Melanau dan Melayu (Sarawak), yang lahir selepas Malaysia. Mereka adalah rakyat Malaysia tulen, tidak seperti ibu bapa mereka yang dipaksa menjadi rakyat Malaysia melalui pelbagai ikatan termasuk yang utama seperti kontrak 1948 dan perjanjian 1963. Oleh itu, mereka mampu berfikir di luar "kotak" berbanding ibu bapa mereka yang tersentak dalam "kotak" berkenaan. Walau bagaimanapun, ini bukan bermakna mereka akan mengabaikan kontrak dan janji yang tetap penting dalam negara. Ia tetap penting kerana kebanyakan perkara itu telah pun dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Oleh kerana mereka dilahirkan jauh daripada zaman berkaitan semua perkara ini, maka sentimen mereka tidaklah terikat sekutu mana ia telah mengikat perasaan ibu bapa mereka. Mereka mampu duduk bersama, berbincang secara terbuka dan matang.

Jelas, masa depan Malaysia, sama ada cerah atau gelap dalam perkara pokok terutamanya dalam hal berkaitan pembinaan hubungan sesama manusia atau antara etnik terletak di tangan generasi pascaMalaysia ini. Politik sempit atau perkauman yang telah mengongkong pemikiran dan tindakan para pemimpin akan pasti menjadi lapuk. Proses globalisasi, liberalisasi dan keterbukaan kerana kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi akan memastikan bahawa rakyat akan lebih maklum dan bijak dalam membuat keputusan. Mereka tidak akan dapat dipermainkan seperti sebelum ini. Bukan sahaja isu etnik akan menjadi lapuk, tetapi politik remeh temeh yang memperalatkan pengundi luar bandar dan pedalaman akan turut berubah. Pada ketika itulah para pemimpin tidak boleh lagi mendapatkan undi dengan menawarkan beberapa keping atap zin, beberapa tan papan atau beberapa buah mesin jana kuasa elektrik kepada pengundi di luar bandar atau pedalaman.

BACAAN TERPILIH

- Hanna, W.A. 1964. *The Formation of Malaysia: New Factor in World Politics*. New York: American Universities Field Staff.
- Jayum A. Jawan & V.T. King. 2004. *Ethnicity and Electoral Politics in Sarawak East Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia Press.
- Jayum A. Jawan. 1991. The Ethnic Factor in Modern Politics: The Case of the Iban of Sarawak, East Malaysia. Monograph No. 21, Southeast Asian Studies, University of Hull.
- Jayum A. Jawan. 1995. Politik perikatan Malaysia: Kejayaan dan cabaran di masa hadapan (The Politics of the Malaysian Coalition: Successes and Challenges in the Years Ahead", *Ilmu Masyarakat*, Vol. 25, (July 1994-June 1995), pp.74-84.
- Jayum A. Jawan. 1998. *Pembinaan Negara Bangsa*; Jurnal Perpaduan, Bil. 2/98, pp.21.-26 (A Journal by Department of National Unity, Ministry of National Unity and Social Welfare, Malaysia).
- Jayum A. Jawan. 2002. *Kesepaduan Kebudayaan Etnik Sarawak dalam Memperkuatkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan*. Seminar paper: Seminar Pengukuhan Kemerdekaan: Peranan Kebudayaan Etnik dalam Pembinaan Negara Bangsa. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Malaysia, Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah, 22-23 Disember.
- Jayum A. Jawan. 2003. *Perpaduan dan Pembinaan Bangsa Malaysia*, Perpaduan, (A Journal of the Department of National Unity), Bil. 1/2003, ms. 4-13.
- Jayum A. Jawan. 2004. *Malaysian Politics and Government*. Shah Alam: Karisma Publication.
- Jayum A. Jawan. 2006. *Living in a multi-cultural Society: A Malaysian Experience?*. Draft paper presented at Seminar on Multicultural Living: A Malaysian & an American Experience, joint organised by the United States Embassy in KL and the Faculty of International Studies, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, 3 September.
- Leo Suryadinata. 2007. *Understanding the Ethnic Chinese in Southeast Asia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Jayum A. Jawan

- Malaysia. 1971. *Rancangan Malaysia Kedua, 1971-1975*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.
- Malaysia. 2001. *Rancangan Malaysia Kelapan, 2001-2005*. Kuala Lumpur: Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.
- Malaysia. 2006. *Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010*. Putrajaya: Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.
- Mohd Nordin Sopiee. 1974. *From Malayan Union to Singapore Separation*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- Ongkili, James P. 1985. *Nation-building in Malaysia 1946-1974*. Singapore: Oxford University Press.
- Pringle, Robert M. 1982. *Rajahs and Rebels : The Ibans of Sarawak under Brooke Rule, 1841-1941*. London: Macmillan.
- Sandin, Benedict. 1980. *Iban Adat and Augury System*. Penang: Universiti Sains Malaysia.

BIODATA

Jayum Anak Jawan dilahirkan pada 1958 di Sibu, Sarawak. Beliau adalah anak sulong dalam keluarga tiga adik beradik kepada pasangan Jawan Anak Empaling dan Luli Anak Penghulu Pengabang. Bapa beliau adalah seorang paderi yang ditauliahkan oleh Sarawak Iban Annual Conference (SIAC), sebuah persidangan dalam kumpulan Gereja Metodis Malaysia, sementara ibunya adalah seorang suri rumah sepenuh masa. Beliau datang dari sebuah rumah panjang yang terletak di Sungai Assan, iaitu sebuah perkampungan rumah panjang Dayak Iban luar bandar, jauhnya kira-kira 30 minit dengan kereta yang perlu menyeberangi Sungai Rajang melalui jambatan Lanang, Sibu.

Beliau memulakan pendidikan awal di Sekolah Rendah Kerajaan Sungai Assan sebelum menyambung dan menamatkan pengajian tingkatan rendah di Sekolah Rendah Bantuan Metodis, di bandar Sibu pada 1970. Beliau memulakan sekolah menengah di Sekolah Menengah Bantuan Metodis, Sibu dan menamatkan tingkatan tiga di Sekolah Saint Thomas, Kuching pada 1973. Di antara 1974 dan 1975, beliau menuntut tingkatan 4 dan 5 di sekolah swasta, iaitu Sekolah Menengah Ling Chu Ming, Sibu. Selepas menamatkan tingkatan 5, beliau dihantar untuk memulakan pengajian tinggi di Kolej Hiwassee, Madisonville, Tennessee, USA pada Januari 1976. Pada tahun yang sama, beliau sempat belajar di Kolej Warren Wilson, Swannanoa, North Carolina sebelum mendapatkan ijazah sarjana muda dalam bidang Ekonomi Politik dari Universiti North Carolina, Asheville pada Ogos 1980. Kemudiannya, beliau meneruskan pengajian ke peringkat siswazah di Universiti Appalachian State, Boone, North Carolina di mana beliau memperolehi ijazah sarjana Sains Politik dalam subbidang Hubungan Antarabangsa pada Disember 1981.

Jayum mula menyertai Universiti Putra Malaysia (dahulu Universiti Pertanian Malaysia) pada Mei 1982 sebagai pensyarah sains politik. Beliau ditempatkan di Jabatan Sains Kemasyarakatan, Fakulti Pengajian Pendidikan

dan mengajar beberapa kursus seperti Perlembagaan Malaysia, Hubungan Etnik dan beberapa kursus kemasyarakatan lain. Pada pertengahan 1980-an, beliau menumpukan pengajaran kepada Kenegaraan Malaysia apabila kursus ini mulai diperkenal dan diwajibkan sebagai kursus asas di UPM. Pada Oktober 1989, beliau melanjutkan pengajian ke peringkat Ph.D. di Pusat Pengajian Asia Tenggara, Universiti Hull, England di bawah Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) untuk tempoh selama tiga tahun mulai Oktober 1989. Beliau berjaya menyiap dan mempertahankan tesis berjudul *Political Change and Economic Development among the Ibans of Sarawak, East Malaysia* dalam masa 24 bulan dari tarikh mendaftar.

Sehingga kini, beliau telah menghasilkan tidak kurang daripada 150 penerbitan yang terdiri daripada buku, bab dalam buku, monograf, artikel dalam jurnal dan ensiklopedia, kertas persidangan dan modul pengajaran, termasuk beberapa di antara kerja-kerja tersebut adalah kerja bersama dengan beberapa sarjana dalam bidang dan minat penyelidikan yang sama. Penerbitan-penerbitan ini adalah dalam beberapa subbidang sains politik seperti politik pilihan raya, budaya politik dan politik hubungan etnik yang berlatarbelakangkan kepelbagaian Sabah dan Sarawak khasnya dan Malaysia amnya.

Di UPM, Jayum pernah diberi tanggungjawab sebagai Ketua Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan untuk beberapa penggal iaitu 1994-1998 dan 2001-2003. Selain itu, beliau pernah terlibat sebagai ahli jawatankuasa penilai permohonan dana penyelidikan di peringkat universiti; ahli jawatankuasa pengasas Akademi Hutan Hujan pada 2002-2003; dan ahli lembaga pengarang *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*.

Di luar UPM, beliau pernah terlibat dengan beberapa agensi kerajaan dalam pelbagai kapasiti. Pada pertengahan 1980-an, beliau pernah terlibat dengan Jabatan Kurikulum dalam penggubalan kurikulum bagi Kenegaraan Malaysia yang mula diwajibkan di UPM pada lewat 1980-an. Pada 1990-an beliau juga pernah terlibat dengan beberapa aktiviti Jabatan Perpaduan Negara, Kementerian

Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Malaysia berhubung pelbagai aktiviti jabatan berkaitan isu perpaduan dan integrasi nasional. Pada 2002, beliau dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Kerja di bawah Jawatankuasa Kabinet Mengenai Khidmat Negara, Kementerian Pertahanan Malaysia di mana beliau terlibat dengan sekumpulan yang menggubal kurikulum untuk latihan khidmat negara. Sejak pertengahan 1990-an, beliau adalah ahli pengasas dan pengerusi Panel Pakar bagi mata pelajaran wajib Pengajian Malaysia untuk Lembaga Akreditasi Negara (LAN), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Tugas utama beliau dan sekumpulan petugas itu ialah membantu LAN menggubal kurikulum Pengajian Malaysia dan kemudiannya memantau pengajaran kursus ini di institusi pengajian tinggi swasta seluruh negara. Pada 2005, beliau juga turut terlibat dengan usaha memperkenalkan kursus Hubungan Etnik (HE) apabila dijemput untuk menyertai Jawatankuasa Kebangsaan Titas dan Hubungan Etnik, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, yang ditugaskan untuk membantu KPT menghalusi kurikulum HE dan pada masa yang sama mengusahakan penulisan modul pengajaran bagi kursus berkenaan.

Selain itu, Jayum juga pernah diundang untuk menjadi penilai luar bagi tesis siswazah dan juga untuk kenaikan pangkat di beberapa buah universiti tempatan seperti Universiti Sains Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pada 2004, Jayum diundang sebagai profesor pelawat oleh Universiti Hull, England UK di bawah kursi Tun Jugah. Hasil daripada lawatan itu ialah penerbitan bersama berjudul *Ethnicity and Electoral Politics in Sarawak East Malaysia* yang diterbitkan oleh penerbit UKM pada penghujung 2004. Pada tahun berikutnya, beliau diundang semula untuk menerima penghormatan tersebut sekali lagi bagi memulakan projek penyelidikan mengenai Kelas Menengah di Asia Tenggara. Pada pertengahan 2007, beliau telah dijemput sebagai Felo Yayasan Korea, Seoul untuk tujuan lawatan sambil belajar ke Korea selama sepuluh hari.

Hubungan Sesama Manusia

Jayum mendirikan rumah tangga dengan Stephanie M.S Tiong dan mereka telah dikurniakan dua orang anak. Kimberly, 17 adalah anak sulung mereka dan beliau kini menuntut di sebuah kolej matrilulusasi Kementerian Pengajian Tinggi, sementara Karl Pengabang, baru berusia 2 tahun.

SENARAI SYARAHAN INAUGURAL

1. Prof. Dr. Sulaiman M. Yassin
The Challenge to Communication Research in Extension
22 July 1989
2. Prof. Ir. Abang Abdullah Abang Ali
Indigenous Materials and Technology for Low Cost Housing
30 August 1990
3. Prof. Dr. Abdul Rahman Abdul Razak
Plant Parasitic Nematodes, Lesser Known Pests of Agricultural Crops
30 January 1993
4. Prof. Dr. Mohamed Suleiman
Numerical Solution of Ordinary Differential Equations: A Historical Perspective
11 December 1993
5. Prof. Dr. Mohd. Ariff Hussein
Changing Roles of Agricultural Economics
5 March 1994
6. Prof. Dr. Mohd. Ismail Ahmad
Marketing Management: Prospects and Challenges for Agriculture
6 April 1994
7. Prof. Dr. Mohamed Mahyuddin Mohd. Dahan
The Changing Demand for Livestock Products
20 April 1994
8. Prof. Dr. Ruth Kiew
Plant Taxonomy, Biodiversity and Conservation
11 May 1994

Hubungan Sesama Manusia

9. Prof. Ir. Dr. Mohd. Zohadie Bardaie
Engineering Technological Developments Propelling Agriculture into the 21st Century
28 May 1994
10. Prof. Dr. Shamsuddin Jusop
Rock, Mineral and Soil
18 June 1994
11. Prof. Dr. Abdul Salam Abdullah
Natural Toxicants Affecting Animal Health and Production
29 June 1994
12. Prof. Dr. Mohd. Yusof Hussein
Pest Control: A Challenge in Applied Ecology
9 July 1994
13. Prof. Dr. Kapt. Mohd. Ibrahim Haji Mohamed
Managing Challenges in Fisheries Development through Science and Technology
23 July 1994
14. Prof. Dr. Hj. Amat Juhari Moain
Sejarah Keagungan Bahasa Melayu
6 Ogos 1994
15. Prof. Dr. Law Ah Theem
Oil Pollution in the Malaysian Seas
24 September 1994
16. Prof. Dr. Md. Nordin Hj. Lajis
Fine Chemicals from Biological Resources: The Wealth from Nature
21 January 1995

Jayum A. Jawan

17. Prof. Dr. Sheikh Omar Abdul Rahman
Health, Disease and Death in Creatures Great and Small
25 February 1995
18. Prof. Dr. Mohamed Shariff Mohamed Din
Fish Health: An Odyssey through the Asia - Pacific Region
25 March 1995
19. Prof. Dr. Tengku Azmi Tengku Ibrahim
Chromosome Distribution and Production Performance of Water Buffaloes
6 May 1995
20. Prof. Dr. Abdul Hamid Mahmood
Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu- Cabaran dan Harapan
10 Jun 1995
21. Prof. Dr. Rahim Md. Sail
Extension Education for Industrialising Malaysia: Trends, Priorities and Emerging Issues
22 July 1995
22. Prof. Dr. Nik Muhammad Nik Abd. Majid
The Diminishing Tropical Rain Forest: Causes, Symptoms and Cure
19 August 1995
23. Prof. Dr. Ang Kok Jee
The Evolution of an Environmentally Friendly Hatchery Technology for Udang Galah, the King of Freshwater Prawns and a Glimpse into the Future of Aquaculture in the 21st Century
14 October 1995
24. Prof. Dr. Sharifuddin Haji Abdul Hamid
Management of Highly Weathered Acid Soils for Sustainable Crop Production
28 October 1995

Hubungan Sesama Manusia

25. Prof. Dr. Yu Swee Yean

Fish Processing and Preservation: Recent Advances and Future Directions

9 December 1995

26. Prof. Dr. Rosli Mohamad

Pesticide Usage: Concern and Options

10 February 1996

27. Prof. Dr. Mohamed Ismail Abdul Karim

Microbial Fermentation and Utilization of Agricultural Bioresources and Wastes in Malaysia

2 March 1996

28. Prof. Dr. Wan Sulaiman Wan Harun

Soil Physics: From Glass Beads to Precision Agriculture

16 March 1996

29. Prof. Dr. Abdul Aziz Abdul Rahman

Sustained Growth and Sustainable Development: Is there a Trade-Off 1 or Malaysia

13 April 1996

30. Prof. Dr. Chew Tek Ann

Sharecropping in Perfectly Competitive Markets: A Contradiction in Terms

27 April 1996

31. Prof. Dr. Mohd. Yusuf Sulaiman

Back to the Future with the Sun

18 May 1996

32. Prof. Dr. Abu Bakar Salleh

Enzyme Technology: The Basis for Biotechnological Development

8 June 1996

Jayum A. Jawan

33. Prof. Dr. Kamel Ariffin Mohd. Atan
The Fascinating Numbers
29 June 1996
34. Prof. Dr. Ho Yin Wan
Fungi: Friends or Foes
27 July 1996
35. Prof. Dr. Tan Soon Guan
Genetic Diversity of Some Southeast Asian Animals: Of Buffaloes and Goats and Fishes Too
10 August 1996
36. Prof. Dr. Nazaruddin Mohd. Jali
Will Rural Sociology Remain Relevant in the 21st Century?
21 September 1996
37. Prof. Dr. Abdul Rani Bahaman
Leptospirosis-A Model for Epidemiology, Diagnosis and Control of Infectious Diseases
16 November 1996
38. Prof. Dr. Marziah Mahmood
Plant Biotechnology - Strategies for Commercialization
21 December 1996
39. Prof. Dr. Ishak Hj. Omar
Market Relationships in the Malaysian Fish Trade: Theory and Application
22 March 1997
40. Prof. Dr. Suhaila Mohamad
Food and Its Healing Power
12 April 1997

Hubungan Sesama Manusia

41. Prof. Dr. Malay Raj Mukerjee
A Distributed Collaborative Environment for Distance Learning Applications
17 June 1998
42. Prof. Dr. Wong Kai Choo
Advancing the Fruit Industry in Malaysia: A Need to Shift Research Emphasis
15 May 1999
43. Prof. Dr. Aini Ideris
Avian Respiratory and Immunosuppressive Diseases- A Fatal Attraction
10 July 1999
44. Prof. Dr. Sariah Meon
Biological Control of Plant Pathogens: Harnessing the Richness of Microbial Diversity
14 August 1999
45. Prof. Dr. Azizah Hashim
The Endomycorrhiza: A Futile Investment?
23 Oktober 1999
46. Prof. Dr. Noraini Abdul Samad
Molecular Plant Virology: The Way Forward
2 February 2000
47. Prof. Dr. Muhammad Awang
Do We Have Enough Clean Air to Breathe?
7 April 2000
48. Prof. Dr. Lee Chnoong Kheng
Green Environment, Clean Power
24 June 2000

Jayum A. Jawan

49. Prof. Dr. Mohd. Ghazali Mohayidin
Managing Change in the Agriculture Sector: The Need for Innovative Educational Initiatives
12 January 2002
50. Prof. Dr. Fatimah Mohd. Arshad
Analisis Pemasaran Pertanian di Malaysia: Keperluan Agenda Pembaharuan
26 Januari 2002
51. Prof. Dr. Nik Mustapha R. Abdullah
Fisheries Co-Management: An Institutional Innovation Towards Sustainable Fisheries Industry
28 February 2002
52. Prof. Dr. Gulam Rusul Rahmat Ali
Food Safety: Perspectives and Challenges
23 March 2002
53. Prof. Dr. Zaharah A. Rahman
Nutrient Management Strategies for Sustainable Crop Production in Acid Soils: The Role of Research Using Isotopes
13 April 2002
54. Prof. Dr. Maisom Abdullah
Productivity Driven Growth: Problems & Possibilities
27 April 2002
55. Prof. Dr. Wan Omar Abdullah
Immunodiagnosis and Vaccination for Brugian Filariasis: Direct Rewards from Research Investments
6 June 2002

Hubungan Sesama Manusia

56. Prof. Dr. Syed Tajuddin Syed Hassan
Agro-ento Bioinformation: Towards the Edge of Reality
22 June 2002
57. Prof. Dr. Dahlan Ismail
Sustainability of Tropical Animal-Agricultural Production Systems: Integration of Dynamic Complex Systems
27 June 2002
58. Prof. Dr. Ahmad Zubaidi Baharumshah
The Economics of Exchange Rates in the East Asian Countries
26 October 2002
59. Prof. Dr. Shaik Md. Noor Alam S.M. Hussain
Contractual Justice in Asean: A Comparative View of Coercion
31 October 2002
60. Prof. Dr. Wan Md. Zin Wan Yunus
Chemical Modification of Polymers: Current and Future Routes for Synthesizing New Polymeric Compounds
9 November 2002
61. Prof. Dr. Annuar Md. Nassir
Is the KLSE Efficient? Efficient Market Hypothesis vs Behavioural Finance
23 November 2002
62. Prof. Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi
Road Safety Interventions in Malaysia: How Effective Are They?
21 February 2003
63. Prof. Dr. Shamsher Mohamad
The New Shares Market: Regulatory Intervention, Forecast Errors and Challenges
26 April 2003

Jayum A. Jawan

64. Prof. Dr. Han Chun Kwong
Blueprint for Transformation or Business as Usual? A Structural Perspective of the Knowledge-Based Economy in Malaysia
31 May 2003
65. Prof. Dr. Mawardi Rahmani
Chemical Diversity of Malaysian Flora: Potential Source of Rich Therapeutic Chemicals
26 July 2003
66. Prof. Dr. Fatimah Md. Yusoff
An Ecological Approach: A Viable Option for Aquaculture Industry in Malaysia
9 August 2003
67. Prof. Dr. Mohamed Ali Rajion
The Essential Fatty Acids-Revisited
23 August 2003
68. Prof. Dr. Azhar Md. Zain
Psychotherapy for Rural Malays - Does it Work?
13 September 2003
69. Prof. Dr. Mohd. Zamri Saad
Respiratory Tract Infection: Establishment and Control
27 September 2003
70. Prof. Dr. Jinap Selamat
Cocoa-Wonders for Chocolate Lovers
14 February 2004
71. Prof. Dr. Abdul Halim Shaari
High Temperature Superconductivity: Puzzle & Promises
13 March 2004

Hubungan Sesama Manusia

72. Prof. Dr. Yaakob Che Man

Oils and Fats Analysis - Recent Advances and Future Prospects

27 March 2004

73. Prof. Dr. Kaida Khalid

Microwave Aquometry: A Growing Technology

24 April 2004

74. Prof. Dr. Hasanah Mohd. Ghazali

Tapping the Power of Enzymes- Greening the Food Industry

11 May 2004

75. Prof. Dr. Yusof Ibrahim

The Spider Mite Saga: Quest for Biorational Management Strategies

22 May 2004

76. Prof. Datin Dr. Sharifah Md. Nor

The Education of At-Risk Children: The Challenges Ahead

26 June 2004

77. Prof. Dr. Ir. Wan Ishak Wan Ismail

Agricultural Robot: A New Technology Development for Agro-Based Industry

14 August 2004

78. Prof. Dr. Ahmad Said Sajap

Insect Diseases: Resources for Biopesticide Development

28 August 2004

79. Prof. Dr. Aminah Ahmad

The Interface of Work and Family Roles: A Quest for Balanced Lives

11 March 2005

Jayum A. Jawan

80. Prof. Dr. Abdul Razak Alimon
Challenges in Feeding Livestock: From Wastes to Feed
23 April 2005
81. Prof. Dr. Haji Azimi Hj. Hamzah
Helping Malaysian Youth Move Forward: Unleashing the Prime Enablers
29 April 2005
82. Prof. Dr. Rasedee Abdullah
In Search of An Early Indicator of Kidney Disease
27 May 2005
83. Prof. Dr. Zulkifli Hj. Shamsuddin
Smart Partnership: Plant-Rhizobacteria Associations
17 June 2005
84. Prof. Dr. Mohd Khanif Yusop
From the Soil to the Table
1 July 2005
85. Prof. Dr. Annuar Kassim
Materials Science and Technology: Past, Present and the Future
8 July 2005
86. Prof. Dr. Othman Mohamed
Enhancing Career Development Counselling and the Beauty of Career Games
12 August 2005
87. Prof. Ir. Dr. Mohd Amin Mohd Soom
Engineering Agricultural Water Management Towards Precision Farming
26 August 2005

Hubungan Sesama Manusia

88. Prof. Dr. Mohd Arif Syed
Bioremediation-A Hope Yet for the Environment?
9 September 2005
89. Prof. Dr. Abdul Hamid Abdul Rashid
The Wonder of Our Neuromotor System and the Technological Challenges They Pose
23 December 2005
90. Prof. Dr. Norhani Abdullah
Rumen Microbes and Some of Their Biotechnological Applications
27 January 2006
91. Prof. Dr. Abdul Aziz Saharee
Haemorrhagic Septicaemia in Cattle and Buffaloes: Are We Ready for Freedom?
24 February 2006
92. Prof. Dr. Kamariah Abu Bakar
Activating Teachers' Knowledge and Lifelong Journey in Their Professional Development
3 March 2006
93. Prof. Dr. Borhanuddin Mohd. Ali
Internet Unwired
24 March 2006
94. Prof. Dr. Sundararajan Thilagar
Development and Innovation in the Fracture Management of Animals
31 March 2006
95. Prof. Dr. Zainal Aznam Md. Jelan
Strategic Feeding for a Sustainable Ruminant Farming
19 May 2006

Jayum A. Jawan

96. Prof. Dr. Mahiran Basri
Green Organic Chemistry: Enzyme at Work
14 July 2006
97. Prof. Dr. Malik Hj. Abu Hassan
Towards Large Scale Unconstrained Optimization
20 April 2007
98. Prof. Dr. Khalid Abdul Rahim
Trade and Sustainable Development: Lessons from Malaysia's Experience
22 June 2007
99. Prof. Dr. Mad Nasir Shamsudin
Econometric Modelling for Agricultural Policy Analysis and Forecasting: Between Theory and Reality
13 July 2007
100. Prof. Dr. Zainal Abidin Mohamed
Managing Change -The Fads and The Realities: A Look at Process Reengineering, Knowledge Management and Blue Ocean Strategy
9 November 2007
101. Prof. Ir. Dr. Mohamed Daud
Expert Systems for Environmental Impacts and Ecotourism Assessments
23 November 2007
102. Prof. Dr. Saleha Abdul Aziz
Pathogens and Residues: How Safe is Our Meat?
30 November 2007